



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan Fail : JPA(I)S.179/17/2-4 Klt.5 ()

Tarikh : 10 Januari 2020

14 Jamadilawal 1441H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF DI NATIONAL HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT INSTITUTE (NHI), REPUBLIK KOREA TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dengan kerjasama National Human Resources Development Institute (NHI), Republik Korea akan mengadakan Program Pembangunan Eksekutif (EDP) Tahun 2020. Objektif program ini adalah untuk menyediakan latihan kepimpinan dan pembangunan sumber manusia kepada pegawai Kerajaan Malaysia, berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan sistem pentadbiran Kerajaan Republik Korea serta mengeratkan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara. Program ini terbahagi kepada tiga (3) peringkat pelaksanaan dengan kumpulan sasaran tertentu seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh Pelaksanaan
1.	Program EDP untuk kumpulan Pelaksana (Gred 29 – 40)	22 Jun hingga 4 Julai 2020

Bil	Program	Tarikh Pelaksanaan
2.	Program EDP untuk kumpulan Junior (Gred 41 – 44)	6 hingga 17 April 2020
3.	Program EDP untuk kumpulan Senior (Gred 48 – 56)	26 Oktober hingga 6 November 2020

3. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengikuti program ini. Permohonan dan pencalonan bagi program ini hendaklah mematuhi syarat dan tatacara seperti di **Lampiran 1** serta mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i) Tarikh permohonan *online* di laman web <http://esilav2.jpa.gov.my> oleh pegawai yang berminat adalah pada **14 Januari hingga 31 Januari 2020**;
- ii) Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah pada **7 Februari 2020**. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 Jabatan Perkhidmatan Awam
 Bahagian Pembangunan Modal Insan
 Aras 3, Blok C2, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.

(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Pencalonan yang dikemukakan oleh pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah **tertakluk kepada proses pemilihan selanjutnya yang akan dikendalikan oleh Jabatan ini** termasuklah proses temuduga. Pencalonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan bukan daripada Ketua Jabatan/Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pemilihan selanjutnya.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai penyelaras iaitu **En. Muhammad Rohaizad Bin Razali** (Tel : 03 – 8885 3569, emel : rohaizad.razali@jpa.gov.my) atau **En. Mohd Kamarul Bin Othman** (Tel : 03 – 8885 3053, emel : kamarul.othman@jpa.gov.my).

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(AZURA BINTI AZIZ)
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

LAMPIRAN 1

SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF DI NATIONAL HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT INSTITUTE (NHI), REPUBLIK KOREA TAHUN 2020

1. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- (a) Berumur tidak melebihi **56 tahun pada 1 Januari 2020**;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana seperti ketetapan berikut:

Bil	Program	Gred
1.	Program EDP untuk kumpulan Pelaksana	29-40
2.	Program EDP untuk kumpulan Junior	41-44
3.	Program EDP untuk kumpulan Senior	48-56

- (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** purata **85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2016, 2017 & 2018 atau 2017, 2018 & 2019)**. Penilaian setahun LNPT genap 12 bulan;
- (e) Tidak mengikuti **kursus pendek di luar negara** dalam tempoh satu **(1) tahun kebelakangan** atau **kursus panjang dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan** (dikira dari 1 Januari 2020);
- (f) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (g) Telah mengisytiharkan harta;

- (h) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (i) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental; dan
- (j) Keutamaan diberikan kepada pegawai yang menjalankan tugas terkini dalam **bidang pengurusan**.

2. Kemudahan

Pegawai yang terpilih untuk mengikuti program ini layak dibayar elau-elauan dan kemudahan mengikut ketetapan kemudahan dan kelayakan Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP1.10/2013.

3. Tatacara Permohonan/Pencalonan

3.1 Tanggungjawab Pegawai.

3.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di laman web JPA <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 14 Januari sehingga 31 Januari 2020**.

3.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**); dan
- (ii) Salinan Kad Pengenalan calon.

3.1.3 Permohonan yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

3.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

- 3.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan **pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat** yang ditetapkan sahaja.
- 3.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2005 dengan menggunakan borang **JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 3.1.2.**
- 3.2.3 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan dipohon untuk mengemukakan bilangan pencalonan yang melibatkan **9 orang** pegawai di Kementerian dan/atau Jabatan/Agensi di bawah Kementerian masing-masing mengikut pecahan kategori seperti berikut.

Bil.	Program	Bilangan Calon
1.	Program EDP untuk kumpulan Pelaksana	3
2.	Program EDP untuk kumpulan Junior	3
3.	Program EDP untuk kumpulan Senior	3
JUMLAH		9

- 3.2.4 Senarai nama pegawai yang dicalonkan hendaklah disusun mengikut keutamaan. Sekiranya bilangan pencalonan melebihi bilangan pencalonan yang ditetapkan, Bahagian

Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam akan **memberi keutamaan kepada calon teratas** sahaja untuk setiap kategori bagi melalui proses pemilihan selanjutnya.